



Wan Hapandi (dua dari kanan) dan Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Domestik dan Acara Tourism Malaysia, Mohd Nasir Kushairi (kiri) bergambar dengan ikan pari seberat 12.9kg yang diperoleh peserta dari Kemaman, Terengganu.



Aksi salah seorang pemancing yang kelihatan teruja ketika menaikkan tali joran selepas umpannya disambar ikan.

Serbu Pantai Teluk Lipat

**1,500 kaki pancing
sertai pertandingan
semepna Tahun
Melawat Malaysia
2020**

RAIHAM MOHD SANUSI

DUNGUN

Lebih 1,500 pemancing seluruh negara memenuhi Pantai Teluk Lipat di sini, sempena pertandingan memancing Tourism Malaysia Surfcasting Tour...A Journey To Visit Malaysia 2020, Sabtu lalu.

Pertandingan anjuran bersama Tourism Malaysia dan Wak-

jali Event Management itu menawarkan hadiah keseluruhan lebih RM130,000.

Pemancing dari Port Dickson, Negeri Sembilan, Mohd Rashidi Mohd Yaakob, 28, yang menaikkan ikan pari seberat 19.24 kilogram (kg) menjuarai pertandingan serta membawa pulang wang tunai RM70,000.

Penyampaian hadiah kepada pemenang disampaikan Exco Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Maklumat negeri yang diwakili Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sura, Wan Hapandi Wan Nik.


Pertandingan memancing peringkat nasional siri keempat itu diadakan sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 dan Terengganu adalah satu daripada 10 lokasi terpilih di seluruh negara ini yang dipromosikan.



Juara pertandingan, Mohd Rashidi (tiga dari kiri); pemenang tempat kedua, Azharul Azwan Abd Aziz, 31 (dua dari kiri), dan tempat ketiga, Zulkhairi Othman, 44 (tiga dari kanan) bergambar bersama Wan Hapandi pada majlis penyampaian hadiah.



Mohd Nasir (tengah) membunyikan hon sebagai tanda pertandingan berakhir.



Wan Hapandi (tiga dari kiri) menyampaikan hadiah televisyen LED 60 inci kepada pemenang hadiah cabutan bertuah utama.



Pengurus Wakjali Event Management, Md Zali Kasran (kanan) berkongsi kegembiraan bersama peserta yang berjaya menaikkan ikan gerung belang.



Kebanyakan peserta termasuk pemancing dari Dungun Ini, Naim Kamaruddin, 33, menggunakan umpan udang segar untuk menangkap pelbagai spesies ikan berkualiti tinggi yang terdapat di Pantai Teluk Lipat seperti gerung belang dan ebek.